

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI
[CHERAS]**

TARIKH : 9 JUN 2014 (ISNIN)

SOALAN :

TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah dasar yang berkesan yang diambil untuk mengurangkan ketidaksamaan pendapatan dengan tujuan untuk meminimakan jurang antara golongan kaya dan miskin, berapakah peratusan isi rumah negara dari segi kategori pendapatan rendah sebanyak RM2,000 dan ke bawah dan apakah halangan kepada Malaysia untuk menjadi negara berpendapatan tinggi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa berusaha untuk mencapai keseimbangan ekonomi bagi meminimumkan jurang pendapatan antara golongan kaya dan miskin. Bagi mengurangkan ketaksamaan pendapatan (antara etnik; strata; dan negeri) dan jurang pendapatan antara kaya dan miskin, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah di bawah dasar Pembangunan Inklusif. Antara langkah-langkah tersebut ialah:

- i. merangsang perkembangan ekonomi bagi mencipta peluang-peluang baru terutamanya kepada isi rumah berpendapatan rendah melalui peluang-peluang pekerjaan dan keusahawanan;
- ii. fokus kepada program pembangunan kapasiti dan kapabiliti dalam kalangan isi rumah berpendapatan 40% terendah melalui program-program pendidikan dan latihan serta keusahawanan. Dalam tempoh 2011 hingga 2013 (RMK10), sebanyak RM88 juta telah diperuntukkan yang memanfaatkan seramai 8,194 orang peserta. Daripada jumlah ini, seramai 2,430 peserta telah menamatkan latihan, 5,700 masih menjalani latihan manakala 64 orang tidak menamatkan latihan atas sebab-sebab tertentu. Daripada 2,430 peserta yang tamat latihan, seramai 1,688 orang telah berjaya mendapat pekerjaan, 306 masih mencari pekerjaan dan 436 orang menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi;
- iii. tumpuan kepada pembangunan infrastruktur asas di luar bandar bagi menggalakkan aktiviti ekonomi dan meningkatkan produktiviti

manakala bagi meningkatkan tahap ekonomi dan kesejahteraan rakyat secara lebih menyeluruh, tumpuan diberikan kepada pendidikan dan latihan serta penyediaan kemudahan asas seperti kesihatan, bekalan air, elektrik dan sebagainya. Di antara program-program khusus pula termasuklah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) meliputi program peningkatan pendapatan; pendidikan, latihan kemahiran dan kerjaya serta program pembangunan minda; Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) termasuklah program bantuan perumahan dan bantuan sewa rumah; pemodenan sektor pertanian bagi meningkatkan produktiviti melalui penanaman semula, pemuliharaan dan penyatuan tanah termasuk Integrated Agricultural Development Projects (IADP); pembangunan pusat pertumbuhan desa serta pembangunan koridor sebagai pemangkin kepada pertumbuhan luar bandar serta pewujudan peluang-peluang ekonomi dan pekerjaan; dan pembangunan industri luar bandar.

- iv. pelaksanaan program-program pembangunan secara bersepadu seperti agropolitan, *contract farming*, dan sebagainya. Bagi tempoh RMKe-10, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM685.5 juta yang dijangka memanfaatkan seramai 3,486 orang peserta di 14 lokasi yang dikenalpasti;
- v. program-program latihan bagi golongan khusus yang masih ketinggalan dalam pembangunan negara seperti masyarakat Orang Asli, Bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak yang boleh membantu meningkatkan potensi ekonomi dan sebagainya. Sebanyak RM40.8 juta diperuntukkan yang dijangka memanfaatkan seramai 23,390 orang peserta; dan

- vi. bantuan kewangan secara langsung kepada golongan yang memerlukan seperti warga emas dan orang kurang upaya (OKU). Pada tahun 2013, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menyalurkan sebanyak RM540 juta bagi membantu golongan warga emas manakala sebanyak RM301 juta telah disalurkan bagi membantu golongan OKU.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2012, peratusan bagi isi rumah berpendapatan RM2,000 dan ke bawah ialah 22.7%. Peratusan ini menunjukkan penambahbaikan berbanding pada tahun 2009 yang mencatat 33.4%.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, kita yakin Malaysia dapat mencapai status negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Namun, untuk kita mencapainya kita perlu mengatasi cabaran-cabaran seperti berikut:

- i. wujudnya tenaga kerja berkemahiran tinggi yang mampu menyokong inovasi dan produktiviti. Oleh itu, Kerajaan perlu melahirkan tenaga kerja tersebut bagi memenuhi keperluan ekonomi pada masa itu;
- ii. sektor swasta sebagai peneraju pertumbuhan dan mencipta peluang ekonomi, khususnya dalam sektor yang mempunyai nilai tambah yang tinggi. Ke arah itu, Kerajaan perlu menyokong perkembangan sektor swasta supaya menjadi penjana pertumbuhan ekonomi.

Kerajaan perlu menjadi pemudahcara yang berkesan supaya sektor swasta menjadi lebih dinamik; dan

- iii. mewujudkan situasi di mana kesejahteraan ekonomi dinikmati oleh semua rakyat secara saksama. Selain itu, semua rakyat perlu diberikan akses kepada peluang yang berkualiti untuk meningkatkan kualiti hidup. Untuk itu, Kerajaan akan meningkatkan pelaksanaan pembangunan inklusif agar tiada golongan terpinggir dalam pembangunan.

Sekian. Terima kasih.